

**JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

BILANGAN TAWARAN : CONTRACT No. JUA 05/2008

REPLACEMENT OF ANALOGUE TO NEW CADASTRE SYSTEM PHASE I (923 – 70)

1. Tawaran adalah dipelawa dari Syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2 Setiap Penender hendaklah menyatakan seperti berikut :

- a. Sah Laku tawaran
- b. Tempoh masa untuk menyiapkan projek
- c. Ringkasan tatacara untuk membuat pengukuran projek ini.

3 Borang *Tender's Declaration* hendaklah disertakan setelah diisi dengan lengkap dan ditanda tangani.

4 Dokumen dan borang tawaran serta keterangan lanjut boleh diperolehi di Bahagian Kadastral Tingkat 3, Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam, dengan membayar yuran tawaran di Kaunter Tingkat 2, Jabatan Ukur pada hari bekerja seperti berikut :-:

Waktu kaunter di buka:

**Hari Isnin – Khamis - 8.00 pagi - 3.00 petang
(termasuk waktu rehat tengah hari)**

Hari Sabtu - 8.00 pagi - 10.00 pagi

5 Harga tawaran adalah mengikut harga yang dianggarkan oleh Jabatan Ukur.

6. Yuran tawaran bagi tawaran ini ialah **\$150.00**

7. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan.

8 Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan tidak menunjukkan sebarang tanda Syarikat pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis ***tajuk tawaran tersebut diatas.***

9 Tawaran hendaklah dihadapkan tidak lewat dari jam **2.00 petang hari** pada **hari Selasa, 26 Januari 2010** kepada alamat berikut :

**Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas BB3510,
Negara Brunei Darussalam.**

10 Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditentukan adalah tidak akan dilayan.

11 Salinan dokumen-dokumen berikut hendaklah disertakan:

- a. Sijil Pendaftaran Perniagaan
- b. Lesen tahunan untuk praktis sebagai Juruukur tanah Berlesen (jika berkenaan)
- c. Kad Pengenalan/No Pasport
- d. Daftar Pemilik Syarikat

12. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

